

TAJUK	:	PERMOHONAN BAJET PENERBITAN E-BOOK, SIRI WEBINAR DAN VIDEO BAGI MENINGKATKAN KEFAHAMAN MENGENAI BEHAVIOURAL INSIGHTS (BI)
JANGKA MASA	:	Oktober- Disember 2020
KOS	:	RM50,000.00 (BAJET PEMBANGUNAN - BEHAVIOURAL INSIGHTS)
UNIT	:	Unit Behavioural Insights (BI), Productivity and Competitiveness Development (PCD)
OBJEKTIF	:	i. Menghasilkan penulisan beserta infografik berkaitan jenis-jenis bias dan falasi dalam memahami cara berfikir dan tingkah laku seseorang dalam konteks behavioural insights. ii. Memberi pemahaman mengenai jenis-jenis bias dalam pembuatan sesuatu keputusan secara mudah difahami kepada masyarakat dan khususnya kepada penggubal dasar dan peraturan. iii. Menghasilkan beberapa output lain seperti video ringkas dan siri webinar dan bahan untuk modul latihan BI.
OUTCOME	:	Kolaborasi MPC bersama En Sahrir Sahabudin dalam penghasilan e-book ini membolehkan MPC mendapat hak cipta (copyright) dalam penghasilan beberapa output lain. Hasil penulisan ini boleh menghasilkan beberapa output lain seperti video BI, modul latihan BI serta webinar untuk dikongsikan bersama penjawat awam di Malaysia.
KOMEN/TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN/TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

KERTAS CADANGAN BAGI KELULUSAN LEMBAGA PENGURUSAN (BOM)
MPC

PERMOHONAN BAJET UNTUK PENERBITAN E-BOOK, SIRI WEBINAR DAN VIDEO BAGI MENINGKATKAN KEFAHAMAN MENGENAI *BEHAVIOURAL INSIGHTS (BI)*

1.0 TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan (BOM) MPC berkaitan penerbitan e-book, siri webinar, penghasilan video dan penganjuran bengkel bagi meningkatkan kefahaman dalam bidang *Behavioural Insights (BI)*. E-book ini adalah mengenai jenis-jenis bias dan falasi dalam pembuatan sesuatu keputusan dari perspektif *behavioural insights*.

Oleh itu, dalam usaha ke arah mewujudkan polisi awam dan intervensi kerajaan yang lebih berkesan, kefahaman yang mendalam mengenai jenis-jenis bias dan falasi dalam membuat sesuatu keputusan adalah penting khususnya kepada penggubal dasar dan peraturan di Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 MPC telah diberi mandat untuk melaksanakan projek *Behavioural Insights (BI)* pada tahun 2020. Pendekatan *Behavioural Insights* dalam penggubalan polisi awam telah banyak digunapakai di negara-negara maju sejak 2010. *Behavioural Insights* merupakan alat polisi yang inovatif bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan intervensi kerajaan. *Behavioural Insights* mengambilkira pelbagai disiplin ilmu seperti sains tingkah laku dan sosial termasuk pembuatan keputusan, psikologi, sains kognitif dan neurosains supaya sesuatu polisi yang digubal lebih berkesan dan mencapai kadar pematuhan peraturan yang tinggi.
- 2.2 Kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan *Behavioural Insights* dalam penggubalan polisi di masa akan datang. Pada tahun 2020 MPC telah diberi peruntukan sebanyak RM2.5juta untuk menjalankan inisiatif BI di Malaysia.
- 2.3 Antara inisiatif yang dirancang dalam tahun 2020 adalah mengadakan promosi mengenai *Behavioural insights* kepada masyarakat dalam bentuk seminar, bengkel, webinar, kenyataan media, penerbitan dan membangunkan kandungan digital.

- 2.4 Untuk makluman En Shahrir Sahabudin dari *Behavioural Insights Services* telah menerbitkan sebuah buku mengenai Bias & Falasi: Kenali 40 Cara Anda Berfikir. E-book ini dijual di pasaran.
- 2.5 Didapati penerangan dan olahan penulisan e-book beliau mengemukakan banyak contoh dan sangat membantu untuk memahami jenis bias dalam pembuatan sesuatu keputusan. Kebanyakan contoh-contoh yang digunakan dalam konteks Malaysia dan bahan penulisan tersebut berpotensi untuk digunakan oleh MPC dalam membangunkan modul latihan BI kepada penjawat awam pada tahun hadapan.
- 2.6 Sehubungan dengan itu, Unit Behavioural Insights telah berbincang bersama En Shahrir Sahabudin untuk menghasilkan e-book tersebut dalam konteks kegunaan MPC dengan beberapa penambahbaikan dan memfokuskan penulisan kepada golongan pembuat polisi.
- 2.7 Beliau bersetuju untuk menghasilkan e-book mengikut keperluan MPC. Melalui kolaborasi ini selain menerbitkan e-book, bahan penulisan tersebut juga boleh menghasilkan beberapa output lain dan ini boleh memperkayakan bahan rujukan BI dalam Bahasa Malaysia untuk dikongsikan bersama penjawat awam dan masyarakat umumnya. Antara output yang boleh dihasilkan dari bahan penerbitan tersebut seperti video BI, webinar dan modul latihan BI.
- 2.8 Oleh itu, kolaborasi ini membolehkan MPC mendapat hak cipta (*copyright*) dalam penghasilan beberapa output lain seperti yang telah dinyatakan.

3.0 OBJEKTIF

Objektif bagi penerbitan e-book bersama En Sahriri Sahabudin adalah:

- i. Menghasilkan penulisan beserta infografik berkaitan jenis-jenis bias dan falasi dalam memahami cara berfikir dan tingkah laku seseorang dalam konteks Behavioural Insights.
- ii. Memberi pemahaman mengenai jenis-jenis bias dalam pembuatan sesuatu keputusan secara mudah difahami kepada masyarakat dan khususnya kepada penggubal dasar dan peraturan.
- iii. Menghasilkan beberapa output lain seperti video ringkas dan siri webinar dan bahan untuk modul latihan BI.

4.0 OUTCOME

Kolaborasi MPC bersama En Sahrir Sahabudin (*Behavioural Insights Services*) membolehkan MPC mendapat **hak cipta (copyright)** dalam penghasilan beberapa output untuk dikongsikan bersama penjawat awam di Malaysia seperti :

- i) Penerbitan e-book
- ii) Video BI
- iii) Webinar
- iv) Bahan untuk modul latihan BI

5.0 ANGGARAN KOS TERLIBAT

Perkara	Kos (RM)	Unit	Jumlah (RM)
i. Menghasilkan penerbitan e-book mengenai bias dan falasi untuk kegunaan MPC dan pemegang taruh utama.	RM20,000	1	RM20,000
ii. Menghasilkan video dan siri webinar bagi memahami jenis-jenis bias dan falasi dalam membuat keputusan dari perspektif <i>Behavioural Insights</i> .	RM2,500	10	RM25,000
iii. Bengkel pemurnian e- book	RM500	10	RM5,000
TOTAL			RM50,000

6.0 SYOR

Lembaga Pengurusan MPC adalah dipohon untuk menimbang serta meluluskan permohonan perbelanjaan bagi penerbitan e-book, webinar, video dan penganjuran bengkel sebanyak dan **RM50,000** menggunakan bajet pembangunan ***Behavioural Insights*** bagi tahun 2020.

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

Mariatul Af-ida Mohd Tajul Ariffin
Pengurus
PCD
Tarikh: 24 September, 2020

Sawiah Abdul Samad
Timbalan Pengarah
PCD
Tarikh: 24 September, 2020

Diluluskan oleh:

Wan Fazlin Nadia Wan Osman
Pengarah, Seksyen Daya Saing
PCD
Tarikh: 24 September, 2020